

03 NOV 1997

Yusof - Pembangkang

PEMBANGKANG HANYA BERMODALKAN TAKTIK SERANG PERIBADI PEMIMPIN

KOTA KINABALU, 3 Nov (Bernama) -- Ketua Penerangan Umno Malaysia, Datuk Dr Yusof Noor hari ini menyifatkan sebagai "ganjil" sikap parti pembangkang yang berterusan menyerang peribadi pemimpin negara, sedangkan mereka tahu pemimpin negara mempunyai kemampuan untuk menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi.

Katanya tindak-tanduk sebilangan pemimpin dalam parti pembangkang yang tidak sehaluan dengan ketua mereka dalam menyuarakan sokongan terhadap pemimpin negara, juga menunjukkan parti pembangkang tidak persefahaman.

"Sikap pembangkang ini ganjil terutama apabila ketua parti telah menyokong pemimpin seperti Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menyelesaikan masalah ekonomi negara, tetapi ada golongan dalam parti itu yang tidak sehaluan dengan ketua mereka," katanya.

Ketika bercakap kepada pemberita di sini selepas mengadakan pertemuan dengan anggota jawatankuasa penerangan Umno Sabah, beliau berkata, pembangkang juga hanya tahu mencari kesalahan tetapi tidak pernah mengemukakan penyelesaian.

"Oleh itu, saya tidak nampak bagaimana pembangkang boleh menyelesaikan masalah ekonomi yang dihadapi ketika ini dan kerana itulah rakyat tidak harus memilih pembangkang," katanya.

Berikutan itu, rakyat di kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Bakap, di Pulau Pinang dan Changkat Jering, di Perak yang akan mengadakan pilihan raya kecil 8 Nov ini, harus memastikan BN memenangi semula pilihan raya berkenaan, katanya.

"Rakyat Sabah juga harus memastikan BN memenangi pilihan raya negeri yang akan datang ini," katanya.

Dr Yusof juga berpuas hati dengan persiapan yang telah dilakukan oleh Umno Sabah dalam memastikan kemenangan BN di Sabah apabila pilihan raya negeri diadakan kelak.

"Jentera penerangan Umno Sabah juga sudah bersedia dan saya yakin Umno Sabah dapat membantu kemenangan BN pada pilihan raya yang akan datang yang tarikhnya belum diketahui," kata beliau. -- BERNAMA

JS RI